

Atasi ketagihan dadah opiat

UniSZA hasil produk makanan tambahan pertama dalam negara, ketiga di dunia

GONG BADAK - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menerusi Pusat Kajian Ketagihan (Centrena) melakar sejarah apabila berjaya menghasilkan produk makanan tambahan dinamakan sebagai Nuzadone bagi mengatasi ketagihan dadah opiat.

Nuzadone yang dihasilkan kumpulan 10 penyelidik dengan dibantu tiga penuntut ijazah kedoktoran, muncul sebagai produk seumpama itu yang pertama di negara ini dan ketiga di dunia, selepas Vitadone dan Nutridone yang merupakan produk dari Amerika Syarikat.

Kajian produk sudah dipatenkan itu dimulakan pada 2014 dengan menggunakan tiga ramuan utama iaitu madu, air zamzam dan habbatussauda.

Lebih membanggakan, formula makanan itu turut dibangunkan bersama mesin i-Dispenser yang direka khas menggunakan inovasi pintar sentuhan skrin, yang dapat mengenali identiti klien melalui kad pengenalan diri dan cap jari serta sistem maklumat pesakit secara berpusat.

Mesin dibangunkan dengan kos sekitar RM35,000 itu turut mempunyai dua fungsi iaitu untuk isian metadon dan Nuzadone secara automatik dengan kadar ditetapkan serta ciri keselamatan biometrik.

Diperkenalkan bersama modul i-TGM

Ketua Penyelidik di Centrena, UniSZA bagi Geran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)-NRGS: RR057-1, Prof Dr Nasir Mohamad berkata, kedua-dua produk itu bakal diperkenalkan dalam modul i-Terapi Gantikan Metadon (i-TGM) untuk pemulihan kebergantungan terhadap opiat dalam kalangan peserta yang mengikuti program terapi gantikan metadon.

Antara penyelidik yang turut terlibat ialah Dr Khairi Che Mat, Dr Mohd Shahril Othman dan Prof Madya Dr Syed Hadzrullathi Syed Omar.

"Modul i-TGM dihasilkan bagi meningkatkan kadar pengekalan pemulihan seiring mengurangkan penagihan semula, yang mana punca utama adalah kurang pendekatan kerohanian. Aspek tersebut dibunkan bersama biologi, psikologi, farmakologi, Nuzadone dan



Penyelidik di samping produk Nuzadone dan pingat diraih kumpulan mereka.



NASIR

terhadap opiat, pemantapan i-qalbu diadaptasi daripada pemikiran al-Ghazali (Ihya Ulumuddin) dan kelestarian," katanya ketika Majlis Pelancaran Centrena di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak, semalam.

Upacara perasmian disempurnakan Speaker Dun Terengganu, Datuk Mohd Zubir Embong. Hadir sama, Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif.



Mohd Zubir (kanan) melihat mesin i-Dispenser.

penagih dikenal pasti bagi melihat keberkesannya.

Mahu Centrena jalankan penyelidikan bermutu

Mengulas penubuhan Centrena, Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif,

dah yang pertama di Pantai Timur, di samping menjadi tempat untuk mendapatkan kaedah rawatan berkaitan ketagihan yang komprehensif meliputi semua aspek. Pusat ini juga diharapkan menjadi pusat penyelidikan dan komuniti

terlibat ialah Dr Khairi Che Mat, Dr Mohd Shahril Othman dan Prof Madya Dr Syed Hadzrullathfi Syed Omar.

“Modul i-TGM dihasilkan bagi meningkatkan kadar pengekal-an pemulihan seiring mengurangkan penagihan semula, yang mana punca utama adalah kurang pendekatan kerohanian. Aspek tersebut digabungkan bersama biologi, psikologi sosial dan psikologi spiritual bagi mendorong pengekal-an pemulihan secara total.

“Modul ini juga merangkumi lima unit iaitu memfokuskan kebersamaan, kenali diri, pemahaman

kelestarian,” katanya ketika Majlis Pelancaran Centrena di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak, semalam.

Upacara perasmian di- sempurnakan Speaker Dun Terengganu, Datuk Mohd Zubir Embong. Hadir sama, Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif.

Justeru katanya, Nuzadone dan i-Dispenser akan memberi kesan seterusnya kepada peserta yang mengikuti modul itu.

Menurutnya, buat permulaan, produk makanan tambahan itu akan diberikan kepada kumpulan



Mohd Zubir (kanan) melihat mesin i-Dispenser.

penagih dikenal pasti bagi melihat keberkesanannya.

Mahu Centrena jalankan penyelidikan bermutu

Mengulas penubuhan Centrena, Nasir meletakkan harapan tinggi agar dapat menjalankan penyelidikan bermutu setanding dengan penyelidikan lain ke arah penghasilan produk inovasi.

“Centrena juga bakal menjadi pusat penyelidikan ketagihan da-

dah yang pertama di Pantai Timur, di samping menjadi tempat untuk mendapatkan kaedah rawatan berkaitan ketagihan yang komprehensif meliputi semua aspek. Pusat ini juga diharap menjadi pusat penyelidikan komuniti yang mempunyai hubungan langsung dengan masyarakat setempat,” katanya.

Tambah Nasir, bagi menambah keberkesanan penubuhan Centrena, UniSZA turut menjalin kerjasama antarabangsa dengan



Hospital Psikiatrik Suanprung, Chiang Mai dan empat universiti tempatan.

Kolaborasi itu membabitkan Universiti Malaya, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn.

“Tujuan utama kerjasama ini bagi memperkasakan penyelidikan dari aspek sosial dan ekonomi serta penghasilan produk inovasi,” katanya.